



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

KEMPEN “*ANTI-LITTER*”

– *GIVE YOUR LITTER A LIFT HOME*

**STESEN PETRONAS SOLARIS PUTRA,
LEBUHRAYA ARAH SELATAN , SERI
KEMBANGAN, SELANGOR**

**9 FEBRUARI 2019 (SABTU)
JAM 9.30 PAGI**

Kata kata aluan:

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabaraqatuh

Salam Sejahtera

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

YBhg. Dato' Haji Mohd Zain Bin Haji Hassan,
Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd;

Rakan-rakan media serta hadirin sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kehadiran Illahi kerana dengan izin-Nya, maka, dapatlah kita bersama sama meraikan majlis pada pagi ini yang mana amat penting

dan bermakna sekali bagi kehidupan serta kesejahteraan alam sekitar penduduk warga kota.

Hadirin sekalian,

2. Pada awal tahun ini saya telah membentangkan 6 teras utama yang saya dan kementerian saya mahu lakukan pada tahun 2019. Yang teratas sekali adalah 'Wilayah Bersih'. Saya meletakkan perkara ini sebagai teras nombor satu kerana inilah yang paling utama untuk lakukan sepanjang tahun 2019 ini. Antara perkara utama yang akan kita uruskan adalah sampah atau sisa pepejal.

3. Apabila kita memperkatakan hal berkaitan pembersihan sampah pepejal, kita tidak boleh lari daripada persoalan dari manakah

datangnya sampah itu dan, siapakah yang membuangnya?

4. Jawabannya adalah berpunca dari manusia itu sendiri. Kita adalah sebahagian daripada isu sampah ini dan sepatutnya, kita jugalah yang berusaha untuk menyelesaikannya.
5. Syukur Alhamdulillah, program pada pagi ini menjurus kepada usaha ini iaitu menerusi kempen '*Anti-Litter-Give Your Litter a Lift Home*' atau 'bawalah bersama sampah anda' anjuran Alam Flora Sdn Bhd. Kita kini diberi peluang untuk mengambil langkah proaktif untuk 'lakukan sesuatu' agar budaya negatif ini dapat dihapuskan sama sekali.
6. Mungkin ada yang mempersoalkan sama ada mengubah budaya negatif ini sukar dilakukan dan mungkin lambat hasilnya untuk

dilihat. Sebenarnya kita patut bertanya pada diri kita 'Kalau bukan kita, siapa? Kalau bukan sekarang, bila?' Masanya adalah sekarang dan kita sendiri lah yang perlu melakukannya.

7. Program ini juga bertepatan sekali dengan tema sambutan Hari Wilayah iaitu "Sayangi Wilayahku". Anggaplah ini sebagai satu amanah yang kita pegang, untuk generasi akan datang yang bakal mewarisi dunia ini.
8. Ingatlah, alam ini juga adalah merupakan satu amanah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan manusia. Kita banyak bergantung pada sumber-sumber semula jadi di muka bumi ini yang mana akan tercemar jika kita tidak menjaga kebersihannya.

9. Marilah kita ambil iktibar akan program pada hari ini supaya ia akan dapat membuka mata serta minda kita bahawa kebersihan itu perlu bermula dengan diri kita sendiri. Anggaplah bumi ini rumah kita, janganlah membuang sampah dari kenderaan anda. Jadilah contoh yang baik kepada yang lain. Ini rumah kita dan harus kita jaga bersama.

10. Kita juga perlu ada rasa malu sekiranya tetamu luar yang datang bertandang ke rumah kita melihat rumah ataupun negara kita ini kotor akibat sikap negatif penghuninya sendiri.

11. Harus diingat bahawa kita bakal menjalankan kempen Tahun Lawat Malaysia 2020 dan pihak kerajaan mensasarkan kunjungan pelawat seramai 36 juta orang ke Negara kita ini. Oleh itu, Jagailah kebersihan agar kita dapat berbangga menjadi salah satu

destinasi yang terbersih pernah mereka kunjungi. Sekurang-kurangnya di rantau ini.

12. Bukan sahaja negara kita bersih, malah, akan dapat meningkatkan lagi sumber ekonomi negara kita cintai ini menerusi pelancongan. Ia adalah situasi menang-menang atau '*win win situation*' untuk kita semua, negara yang kita cintai ini dan juga alam sekitar.

Hadirin sekalian,

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah serta trima kasih kepada pihak Alam Flora atas inisiatif mereka dalam kempen '*Anti-Litter-Give Your Litter a Lift Home*' ini. Harapan saya, agar orang ramai menerimanya secara baik dan berlakulah satu perubahan minda yang positif.

Bersama sama lah kita melakukan perubahan ini. Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi.

14. Sekian terima kasih. Wabillahitaufik
Walhidayah Wassalamualaikum Wrh Wbt.